

# Pelajar USIM cipta tudung saji pemanas makanan



**Tudung saji** hasil inovasi pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bukan saja berfungsi melindungi makanan daripada dihinggap lalat tetapi boleh juga memanaskan makanan.

Rekaan itu mempunyai plat aluminium dan mentol pada bahagian dalam tudung saji bagi membolehkan haba terperangkap daripada penghasilan cahaya untuk memanaskan makanan dalam tempoh 15 hingga 20 minit.

Inovasi itu ialah buah fikiran tiga pelajar Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, iaitu Siti Khadijah Hassan, Syazwani Md Sallehan dan Maryam Khalilah.

## **Panas beberapa bekas**

Siti Khadijah berkata, penggunaan tudung saji 'Antic Wave' itu memudahkan

**Syazwani (kiri), Siti Khadijah dan Maryam Khalilah** mempromosikan produk berunsur pemanasan makanan menggunakan tudung saji.

beberapa bekas makanan dipanaskan secara serentak dengan hanya menyalakan mentol dipasang pada tudung saji berkenaan.

Inovasi itu juga, katanya, membantu meningkatkan industri kraftangan kerana menggunakan tudung saji tradisional yang dibuat daripada rotan.

"Rekaan ini dapat menjimatkan masa kerana kita tidak perlu lagi menunggu makanan dipanaskan satu persatu menggunakan ketuhar gelombang mikro atau dapur gas.

"Makanan dimasak atau dibeli diletakkan saja di bawah tudung saji yang sudah dinyalakan mentol," katanya ketika ditemui pada Ekspo Inovasi Islam di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Siti Khadijah berkata, rekaan itu meraih pingat gangsa dan kejayaan itu mendorong mereka menambah baik produk itu.

Antaranya dengan memasang suis mentol tanpa wayar bagi meningkatkan ciri keselamatan tudung saji berkenaan.



**REKAAN INI DAPAT MENJIMATKAN MASA KERANA KITA TIDAK PERLU LAGI MENUNGGU MAKANAN DIPANASKAN SATU PERSATU MENGGUNAKAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO ATAU DAPUR GAS"**

**Siti Khadijah Hassan,** Pelajar Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah